

Pelajar makin kurang minat bidang STEM

Ibu bapa digesa beri tumpuan semula kepada Sains dan Matematik

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengakui minat pelajar negara ini dalam bidang Sains, Matematik, Kejuruteraan dan Teknologi (STEM) semakin merosot dan dilihat amat membimbangkan.

Justeru, Perdana Menteri berkata, Kemeriterian Pendidikan (KPM) sudah mengambil beberapa langkah termasuk dengan beberapa kumpulan pendidikan lain bagi menggesa ibu bapa memberikan tumpuan semula kepada Sains dan Matematik.

“Ini sedang diusahakan secara lebih serius. Dalam semua perjumpaan kita dengan syarikat asing, kita tekankan soal yang sama, iaitu mesti ada pusat kecemerlangan di Malaysia, mesti ada latihan di sini.

“Ini disebabkan, kita sekarang ini kekurangan jurutera. Walaupun jurutera yang kita lahir-

kan baik dan diterima baik, dia masih dianggap ada kekurangan pada peringkat kemahiran atau ketrampilan tertinggi,” katanya pada Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan Datuk Dr Ku Abd Rahman Ku Ismail (PN-Kubang Pasu) mengenai strategi kerajaan melahirkan lebih ramai saintis dan jurutera, sekali gus memenuhi keperluan syarikat pelaburan.

Tak penuhi keperluan tinggi

Perdana Menteri berkata, berdasarkan maklum balas syarikat antarabangsa, mereka memaklumkan Malaysia mempunyai tenaga kejuruteraan dan lulusan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang berdisiplin dan baik, namun tidak memenuhi keperluan tinggi yang diperlukan.

“Saya setuju jika Malaysia tidak lakukan apa-apa yang segera dan mendesak, kita akan kerugian kerana tumpuan ketika ini bukan lagi industri *low end* tapi *high end* yang memerlukan kecekapan lebih tinggi.

“Sebab itu, saya minta universiti bermula dengan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) mengadakan fakulti kecerdasan buatan (AI) dan ia harus selari semua universiti yang menjalankan kegiatan AI ini untuk memenuhi keperluan,” katanya.